

PELAKSANAAN SISTEM e-APPELLATE

DI MAHKAMAH PERSEKUTUAN DAN MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

1 MAKLUMAT AM


1.1 Pendengaran kes secara e-Appellate terpakai bagi semua kes rayuan dan permohonan (sivil dan jenayah) di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan Malaysia mulai bulan Ogos 2020.

1.2 e-Appellate bermaksud pendengaran kes yang dijalankan dengan rujukan dibuat oleh Mahkamah dan pihak-pihak kepada dokumen-dokumen salinan digital dalam format PDF seperti mana yang telah difaikkan melalui sistem *e-filing* (EFS).

1.3 Melainkan jika pihak-pihak bersetuju untuk pendengaran kes secara dalam talian melalui sidang video, pendengaran kes secara e-Appellate akan dijalankan di Mahkamah Terbuka dengan kehadiran pihak-pihak.



1.6 Sekiranya peguam memerlukan bantuan bagi mengendalikan perkongsian dokumen, peguam hendaklah menetapkan seorang peguam lain untuk hadir bersamanya bagi mengendalikan perkara tersebut.



1.4 Pada tarikh pendengaran, peguam perlu membawa komputer riba atau apa-apa peranti elektronik sendiri bagi tujuan perkongsian dokumen. Perkongsian dokumen semasa pendengaran kes akan dikendalikan sendiri oleh peguam menggunakan perisian Zoom atau perisian yang akan ditentukan oleh Mahkamah dari semasa ke semasa.

1.5 Keperluan teknikal bagi penggunaan perisian Zoom serta keperluan minimum komputer riba atau peranti elektronik adalah seperti yang berikut:

- Windows 10 version 1507 or above
- Microsoft Edge atau Chrome Browser yang terkini
- Sekurang-kurangnya CPU Intel i3 dengan 1GHz processor
- Sekurang-kurangnya 512 Mb RAM

Untuk platform selain daripada Windows (contohnya perkakasan Macbook), spesifikasi minima bagi perisian Zoom boleh dimuat turun daripada url berikut:
<https://zoom.us/download>.

1.7 Dokumen persidangan akan dimuat naik ke dalam media penyimpanan dalam talian (*cloud storage*). Dokumen akan dinamakan semula secara spesifik jika perlu untuk kemudahan rujukan pada masa pendengaran. Penyusunan dokumen dalam *cloud storage* adalah mengikut turutan nombor kandungan dan juga jenis dokumen seperti berikut:

Contoh 1:
“Kandungan 1. Notis Usul,
Kandungan 2. Afidavit Sokongan,
Kandungan 3. Afidavit Jawapan Responden.”

1.8 Pihak-pihak hendaklah memastikan dokumen persidangan yang dirujuk di dalam hujahan bertulis dan semasa pendengaran kes dibuat mengikut aturan yang berikut:

- nyatakan nombor kandungan dan nama dokumen;
- nyatakan mukasurat pada salinan digital format PDF; dan
- nyatakan perenggan yang dirujuk.

2

PRA PERSIDANGAN

- (2.1) Notis makluman pendengaran secara e-Appellate akan dikeluarkan oleh Mahkamah kepada pihak-pihak untuk memaklumkan tarikh dan masa pendengaran serta tarikh bagi pemfailan hujahan bertulis.
- (2.2) Salinan digital dokumen persidangan boleh diakses oleh pihak-pihak melalui pautan (*link*) yang akan dihantar oleh Mahkamah. Dokumen persidangan akan dikemas kini dan dimuat naik ke dalam pautan (*link*) dari semasa ke semasa. Pihak-pihak hendaklah memaklumkan Mahkamah jika terdapat dokumen yang difailkan lewat.
- (2.3) Pihak-pihak hendaklah memfailkan hujahan bertulis masing-masing secara e-filing mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Mahkamah.
- (2.4) Pengurusan kes akan dijalankan dalam tempoh **dua (2) minggu** sebelum tarikh persidangan bagi menyelaraskan dokumen-dokumen yang akan dirujuk semasa pendengaran. Pihak-pihak hendaklah memaklumkan Mahkamah dokumen-dokumen utama yang akan dirujuk semasa pendengaran kes.
- (2.5) Pihak-pihak hendaklah memuat turun dokumen persidangan yang terdapat dalam cloud storage ke dalam komputer riba atau peranti elektronik yang akan digunakan bagi tujuan perkongsian dokumen pada tarikh pendengaran.
- (2.6) Jemputan untuk perkongsian dokumen menggunakan perisian Zoom akan dihantar kepada pihak-pihak secara e-mel sekurang-kurangnya **satu (1) hari** sebelum persidangan.



3

SEMASA PERSIDANGAN

- (3.1) Pihak-pihak hendaklah menukar nama ID dalam perisian Zoom kepada nombor kes dan nama pihak yang diwakili (sama ada Perayu / Responden / Pemohon / Pencelah / Amicus Curiae) bagi memudahkan urusan Timbalan Pendaftar untuk menjemput pihak-pihak bagi mengendalikan perkongsian dokumen semasa berhujah.
Contoh: "02(f)-8-02/2020 (Perayu)"
- (3.2) Pihak-pihak hendaklah membuat rujukan kepada dokumen persidangan mengikut aturan yang telah dinyatakan dalam perenggan 1.8.
- (3.3) Dokumen yang ingin dirujuk hendaklah dipaparkan pada skrin komputer dengan mengaktifkan fungsi "share screen". Setelah selesai berhujah, Peguam hendaklah menghentikan perkongsian dokumen dengan memilih fungsi "stop sharing" bagi membolehkan pihak lain membuat perkongsian dokumen.
- (3.4) Semasa pendengaran kes, pihak-pihak tidak dibenarkan untuk merujuk kepada salinan bercetak dokumen bagi mengelakkan ketaksamaan rujukan dengan salinan digital.
- (3.5) Pihak-pihak boleh meninggalkan (*leave*) sesi Zoom setelah prosiding kes selesai.